

**NT 18.11.15 3**

## No'man dilantik Pendaftar UMS ke-3

**KOTA KINABALU:** No'man Datuk Haji Ahmad dilantik sebagai Pendaftar Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang baharu berkuatkuasa 11 November lepas.

Majlis penyampaian Sijil Pelantikan disampaikan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah (LPU) Tun Zaki Tun Azmi selepas mempengekus mesyuarat LPU di Bilik Mesyuarat Lembaga Eksekutif, kelmarin.

Majlis penyampaian itu turut disaksikan Naib Canselor, Profesor Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah, Ahli-



ahli LPU dan Pegawai-pegawai Utama UMS.

Pelantikan tersebut sekali gus menjadikan No'man yang memangku jawatan itu sejak Januari lalu mencoret sejarah baharu buat UMS sebagai Pendaftar yang ketiga.

Berpengalaman luas dan pernah memegang pelbagai jawatan ketua di beberapa jabatan di UMS, beliau yang berpewatakan ceria dan sering menyumbang idea-idea bernas kepada pengurusan universiti dilihat calon yang

tepat setelah mantan Pendaftar, Datuk Abdullah Haji Mohd Said bersara wajib pada tahun ini.

No'man dilantik sebagai Pendaftar universiti selama tiga tahun sehingga 10 Nov 2018.

**TAHNIAH ...** No'man (enam kanan) menerima Sijil Pelantikan Pendaftar daripada Tun Zaki (empat kiri) sambil disaksikan Datuk Dr. Mohd Harun (lima kanan), Ahli-ahli LPU dan Pegawai-pegawai Utama UMS: